


Kolektor pemangkin pasaran seni lukis

► Penyebab seni lukis berkembang sehingga ke hari ini

UB 5.11.2017 B2



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

SEJAK zaman purba lagi seni lukis mempunyai kolektor, pengumpul atau penaung yang menampung kehidupan pelukis dengan membeli karya mereka atau membiayai mereka bagi meneruskan kehidupan tanpa mengorbankan kreativiti dan hanya menumpukan segala tenaga kepada menghasilkan karya seni.

Naluri menghasilkan karya seni visual sama ada melukis, membuat arca atau membuat produk seni lain yang tidak dapat dibendung kerana naluri semulajadi seniman itu sendiri adalah menghasilkan karya. Namun jika tiada pendapatan untuk meneruskan kehidupan misalnya tidak mempunyai makan dan tempat berteduh maka ini akan membantutkan serta mengekang matlamat seniman untuk berkarya. Maka jika dirujuk dari sejarah seni, kolektor adalah penyebab seni lukis berkembang sehingga ke hari ini.

Menurut sejarah seni pada zaman purba, seni ditampung oleh masyarakat yang membiayai pelukis untuk tujuan spiritual bagi kesinambungan kehidupan serta hayat kepercayaan *animisme* komuniti mereka. Apabila manusia sudah bertamadun maka kolektor mereka adalah pihak agama



KDYMM Sultan Selangor dengan koleksi lukisannya.

menurut agama yang dianuti mereka misalnya agama Kristian dikumpulkan oleh gereja, agama Hindu oleh kuil dan sebagainya.

Pope dan institusi gereja Katolik adalah penaung yang taksub terutamanya di Eropah dalam abad ke lima belas kerana pada zaman tersebut pelukis dihormati dan disanjung untuk menghasilkan karya yang mempunyai tema yang berkaitan agama untuk tujuan berdakwah dan mendidik penganut Kristian yang rata-rata buta huruf dan tidak tahu membaca kitab Injil agar mereka boleh memahami ajaran tersebut melalui lukisan.

Selepas zaman pertengahan terdapat perubahan di mana pengaruh gereja sudah lemah maka masyarakat perniagaan dan gedung kewangan seperti keluarga Medici yang memiliki Bank Medici telah menampung pelukis zaman Renaisans. Oleh sebab itu terdapat saudagar dan orang perniagaan membantu pelukis seperti Leonardo da Vinci, Brunelluschi, Massacio dan Michealengelo diangkat dan menjadi mewah kerana penaung mereka yang baru.

Pada zaman moden

perkembangan pelukis seperti Picasso, Monet dan pelukis moden yang lain banyak terhutang budi kepada Grude Stein dan perkembangan seni lukis Abstrak Ekspresionis pula seperti Jackson Pollock, De Kooning dan Robert Raushenberg dibiayai oleh kolektor Peggy Guggenheim, seorang kolektor yang radikal dan agresif dalam mengumpul karya dan akhirnya membina Galeri Soloman Guggenhiem yang terkenal di New York.

Pendek kata perkembangan bakat pelukis dan peningkatan kualiti karya seni sangat berkait dengan impak kolektor seni. Kolektor berkembang apabila ekonomi serta pendapatan penduduk sesebuah negara meningkat dan membangun di mana masyarakat pertengahan lebih banyak mereka mempunyai ongkos untuk membeli karya seni visual bagi memenuhi keasyikan (*passion*) mereka.

Mengumpul karya seni memerlukan wang, oleh sebab itu mengumpul seni biasanya berlaku dalam masyarakat yang mewah dan mempunyai pendapatan yang tinggi walaupun menjadi

kolektor tidak semestinya seorang yang kaya raya.

Lumrahnya pengumpul seni lukis adalah pemangkin meningkatnya pasaran seni dan secara tidak langsung memperkembangkan budaya melukis di kalangan masyarakat dan menjadi penggerak utama selain berpengaruh terhadap industri dunia seni (*Arts world*) kini.

Kolektor menurut penyelidik tersohor Lindemann mengkategorikan tujuh kumpulan ahli yang boleh diiktiraf sebagai ahli pengumpul seni di bawah kumpulan 'Dunia Seni' adalah pelukis atau seniman, pengkritik seni lukis, peniaga seni lukis (*Art Dealer*), pakar runding seni lukis (*Connoisseur*), rumah lelong atau *auction house*, pengumpul seni lukis (*Collector*), pengarah muzium atau galeri. (Megan Trash. 2011, Sotheby Institute of Art.)

Tanpa wujudnya insan kolektor di kalangan masyarakat, tiadalah terbinanya industri seni lukis. Faktor wang dan keasyikan adalah perkara pertama yang menjadi sangat penting dalam usaha dan keterujaan mengumpul seni.



KOLEKTOR U-Wei Shaari dan karya dalam koleksi beliau.

Oleh sebab itu kewangan yang dimiliki oleh kolektor menentukan arah tuju perkembangan, citarasa serta genre seni lukis yang tercipta di sesebuah negara.

Bermulanya dari penaung seni zaman purba hingga kepada kolektor individu hartawan yang terdapat pada hari ini, sokongan dan pembelian mereka telah menggerakkan ekosistem pasaran seni lukis. Sebagai pemain utama dalam dunia perniagaan seni lukis antarabangsa, sebenarnya pengumpul seni mempunyai pengaruh sangat kuat serta kuasa dan seterusnya merancang arah tuju seni dan sejarah budaya sesebuah negara.

Kebanyakan pengumpul seni membeli karya dari peniaga seni atau *art dealers*, galeri, pelukis, acara lelong secara terus. Ini berdasarkan kajian yang dijalankan secara rambang. Di samping itu ada juga karya yang dibeli menurut rasa atau *instinct* kerana sangat kagum dengan sesebuah karya yang dilihat semasa menghadiri pameran dan seterusnya mereka membeli secara transaksi terancang.

Walaubagaimanapun majoriti pengumpul seni biasanya membuat penyelidikan terhadap pelukis dan ada juga yang membuat penyelidikan terhadap latar belakang dan prestasi pelukis di pasaran melalui surat khabar, journal, katalog serta laporan pengkritik seni lukis yang terkenal.

Boleh dikatakan faktor utama minat mengumpul seni adalah berkaitan dengan aspek psikologi, sosiologi dan emosi individu.

Oleh sebab itu minat mengumpul karya seni boleh disenaraikan di bawah beberapa kategori dan salah satu penyebab utama mereka mengumpul karya seni adalah keasyikan kepada produk seni yang indah.

Kedua, mereka mengumpul disebabkan ketaksabaran pernyataan *kendiri atau (self expression)*. Menurut pendapat sesetengah kolektor yang ditemui penulis, mereka membeli dan menyimpan karya seni sebagai sesuatu yang peribadi dan ia adalah bayangan personaliti mereka.

Seterusnya mengumpul seni adalah kerana teruja kepada pengalaman estetika dan minat kepada objek yang indah dan cantik. Mengumpul seni juga ada kaitan dengan sifat yang cintakan kepada ilmu serta sifat ingin tahu. Pengumpul seni beranggapan bahawa koleksi mereka meletakkan mereka dalam status yang baik di kalangan masyarakat. Oleh sebab itu usaha mereka ada kaitannya dengan interaksi sosial yang sangat berpengaruh.

Untuk menjadi kolektor seni seseorang itu perlu mempunyai kekayaan, maka biasanya mereka juga adalah seorang yang dermawan dan sangat bertanggungjawab kepada pemeliharaan karya seni sejagat. Tidak boleh dinafikan majoritinya kolektor juga bertujuan menjadikan koleksi karya seni yang dibeli untuk tujuan *investment* atau pelaburan masa akan datang sekiranya karya tersebut meningkat harga atau permintaan umpamanya pelukis sudah meninggal dunia atau tidak menghasilkan karya lagi.

Oleh sebab itu minat mengumpul karya seni perlu dididik dalam kalangan masyarakat umum, warga muda dan juga pelajar institut pengajian tinggi kerana minat mengumpul seni adalah satu hobi atau aktiviti yang sangat baik. Ia antara lain memupuk semangat cintakan khazanah serta produk estetika di samping menjadi penjaga dan pemelihara kepada khazanah seni seterusnya memperkembangkan industri seni negara.

Penulis berjaya mengenalpasti beberapa nama yang terkenal sebagai pengumpul seni yang digeruni di Malaysia misalnya Farok Khan serta

isteri, Fakhurudin Sulaiman, U-Wei Shaari, Raja Ahmad Aminullah, Tan Sri Daim Zainuddin, Hishamuddin Hussin dan ramai lagi. Terdapat juga pengumpul dari kalangan pemerintah seperti Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Perak dan Sultan Johor yang juga mempunyai galeri khas untuk koleksi beliau.

Pengumpul seni juga terdapat di kalangan pelukis umpamanya di negeri Sabah. Salah seorang kolektor yang aktif ialah Puan Christianne Goonting, tuan punya Livinia Gallery yang mengumpul banyak karya pelukis tempatan dan antarabangsa, Dr Awangku Hassanal Bahar Pangiran Bagul seorang tokoh akademik dan pensyarah, usahawan Datuk Sharifah Habsah, Rose Mill dan Caroline Mariano sebagai penyebab beberapa nama.

Biasanya pengumpul seni tempatan adalah dari kalangan profesional umpamanya pakar perubatan, peguam, ahli akademik dan ahli perniagaan namun kebanyakan mereka tidak suka kepada publisiti dan mereka lebih suka berada sebagai penggerak seni di belakang tabir.

Oleh sebab itu pengumpul tempatan sangat diharapkan bertambah bilangannya setiap tahun agar karya seperti Syed Ahmad Jamal, Ibrahim Hussin, Awang Damit, Latiff Mohidin yang dianggap sebagai khazanah negara telah bertukar tangan kepada milik pengumpul luar negara terutamanya Singapura, Hongkong, Taiwan dan China yang mempunyai ramai kolektor yang kaya dan agresif.

Untuk tujuan ini, bagi menggalakkan pertumbuhan kolektor tempatan usaha kerajaan dan pemimpin tempatan sangat diharapkan bagi membuka luas insentif dan galakan yang berbentuk pendidikan, galakan moral, bantuan kepada industri seni serta pelepasan cukai umpamanya akan menyuburkan minat kolektor untuk bertapak.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



CHRISTIANNE Goonting dan koleksinya.



PEGGY Guggenheim dengan koleksi seni modennya.

